

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
(SETIAWANGSA)**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan keberkesanan pengoperasian Hospital Medan Malaysia di Cox's Bazaar. Apakah hala tuju penglibatan Malaysia dalam usaha kemanusiaan terhadap krisis Rohingya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Medan Malaysia yang mempunyai kapasiti 50 katil dengan kemudahan Unit Rawatan Rapi (*Intensive Care Unit – ICU*) mempunyai keupayaan penuh dalam melaksanakan pembedahan seperti pembedahan am, orthopedik serta perbidanan dan sakit puan. Selain itu kemudahan rawatan pergigian turut disediakan oleh hospital ini. Pada masa ini, Hospital Medan Malaysia telah dapat memenuhi sebahagian besar keperluan perubatan di kem pelarian dan ianya merupakan “hospital rujukan” (*referral hospital*) di daerah berkenaan.

Semenjak pengoperasiannya pada 20 November 2017, sebanyak 74,103 kes telah dirawat oleh hospital ini yang bukan sahaja memberikan rawatan kepada pelarian Rohingya tetapi turut mendapat manfaatnya ialah penduduk tempatan di kawasan Cox's Bazaar sendiri. Hospital ini juga mendapat pujian dan pengiktirafan daripada pelbagai agensi luar negara seperti *World Health Organisation (WHO)*, *Refugee Relief and Repatriation Commission (RRRC)* dan *International Committee of the Red Cross (ICRC)*.

Kehadiran hospital medan ini juga telah meningkatkan hubungan baik dengan negara Bangladesh dan menjadikan operasi ini sebagai medan latihan untuk meningkatkan kesiagaan ATM dalam menghadapi situasi bantuan kemanusiaan dan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan meletakkan komitmen yang tinggi bagi pengoperasian Hospital Medan Malaysia di Cox's Bazaar. Ini terbukti dengan persetujuan kerajaan untuk melanjutkan pengoperasian Hospital Medan Malaysia sehingga 31 Disember 2019. Disamping itu, Timbalan Menteri saya sendiri telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Bangladesh pada 14 hingga 17 Mei 2019 yang lalu, untuk menilai sendiri keadaan pengoperasian hospital berkenaan serta berbincang dengan kepimpinan tertinggi Bangladesh berkenaan halatuju hospital berkenaan.

Pihak kepimpinan Bangladesh menyambut baik sumbangan yang telah diberikan oleh Hospital Medan Malaysia dan mencadangkan supaya hospital ini meneruskan pengoperasian sehingga tahun 2021. Bagi cadangan ini, pihak kerajaan masih lagi mempertimbangkan akan kewajaran meneruskan pengoperasiannya sehingga tahun 2021 dengan mengambil kira kesan utama ke atas pelarian Rohingya sendiri.

Terima kasih.